

# Anak pekerja ladang penerima Hadiah Buku Universiti

**KUALA LUMPUR 3 Nov.** - Seorang anak kepada pekerja ladang, **Norella Baco**, 24, membuktikan walau apapun pekerjaan ibu bapa, ia bukan penghalang menempa kejayaan cemerlang apabila menerima Hadiah Buku Universiti pada Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-43 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak di sini, hari ini.

Anak sulung daripada empat orang adik beradik itu berkata, kejayaan tersebut adalah langkah permulaan baginya untuk membantu keluarga di kampung supaya mendapat kehidupan yang lebih baik.

"Walapun bapa tidak pernah menyuruh anak-anak membantunya di ladang tetapi saya sangat memahami keusahaan dan keketihan dia mencari rezeki demi kami sekeluarga me-

pengajian di peringkat diploma, saya nekad untuk mencari wang sendiri bagi menyambung pelajaran agar tidak menyusahkan ibu dan ayah," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.

Penyampaian ijazah itu disempurnakan oleh Pro-Canselor Tunku Panglima Besar Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Sebanyak 5,894 graduan menerima ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen yang berlangsung selama empat hari dan bera-

akhir hari ini.

Mereka terdiri daripada 483 graduan ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana (2,203) manakala ijazah sarjana muda membabitkan 2,950 graduan.

Tambah Norella, dia sanggup

menyambung pengajian di peringkat ijazah adalah mencukupi kerana pada masa itu, gaji yang diperoleh hanya RM500 sehingga RM800 sebulan.

Apabila ditanya resipi kejayaan, beliau berkata, untuk mendapat keputusan yang cemerlang, usaha dan doa harus seiring kerana aspek itu saling melengkapi antara satu sama lain.

Sementara itu, penerima pingat emas universiti, **Nur Izzati Mohd. Isa**, 23, berkata, untuk mendapat purata nilai grad keseluruhan (CGPA) 3.94 bukanlah satu perkara yang mudah.

"Saya banyak melakukan ulang kaji bersama rakan-rakan dan sentiasa berjumpa dengan pensyarah bagi mendapat penjelasan sekiranya terdapat subjek yang tidak difahami ketika diajar di dalam kelas.

"Tidak dinafikan peranan seorang mahasiswa sangat banyak namun mereka harus bijak membahagikan masa antara aktiviti kokurikulum dengan pelajaran agar



**NORELLA BACO**